

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA  
PELANCARAN RESMI SIARAN BERWARNA  
TV MALAYSIA, DI ODITORIUM BESAR,  
ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR,  
PADA HARI KHAMIS 28. 12. 1978  
JAM 8. 00 MALAM.

---

1. Yang Berhormat, Dato Mohamed Rahmat,  
Menteri Penerangan.
2. Yang Berhormat Menteri-Menteri, dan Timbalan-  
Timbalan Menteri,
3. Tuan-tuan yang Terutama Duta-duta,
4. Para hadirin, serta
5. Tuan-tuan dan puan-puan yang ~~sedang~~ mengikuti  
siaran ini dari rumah.

---

Upacara malam ini amatlah besar  
maknanya, kepada Jabatan Penyiaran khasnya,  
dan rakyat jelata amnya. Pada hari ini, 15 tahun  
yang lalu, siaran talivisyen telah di lancarkan  
di negara kita, dan mulai dari malam ini pula,

penuntun-penuntun talivisyen, yang selama ini hanya dapat menyaksikan gambar hitam-puteh, akan dapat menikmati gambar warna-warni. Sesungguhnya, pelancaran siaran tv warna ini, merupakan setapak lagi kemajuan, dalam pembangunan negara, dan satu peristiwa penting, dalam perkembangan sejarah sibaran am.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, negara kita Malaysia, adalah sebuah negara yang penuh dengan warna-warni. Kekayaan warna dalam negara yang tercinta ini, tidaklah terhadap kepada alam semula-jadinya, *khair-tul-is-tiwa* dalam rantau khatulistiwa, yang subur dan makmur.

Anika warna yang sebenar dan yang mutlak, terdapat

di kalangan rakyat negara ini sendiri, yang berbilang kaum dan beraneka budaya, yang telah bercantum menjadi masyarakat padu dan padat.

3. Dengan adanya siaran tv warna ini, maka kita semua, bukan sahaja akan dapat menyaksikan dan menikmati keindahan alam di cerok rantau tanahair, bahkan dan yang lebih penting lagi ialah, segala kegiatan hidup dan adat resam rakyat berbilang kaum di negara ini, akan dapat di ketahui dengan lebih mendalam lagi, dan dengan penuh warna-warni, oleh semua rakyat. Saya harap, Talivisyen Malaysia

akan lebih menumpukan siarannya kepada kegiatan-kegiatan rakyat, projek dan rancangan Kerajaan, yang di laksanakan untuk faedah rakyat, serta kemudahan dan perkhidmatan, yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat.

4. Dalam apa bidang sekalipun, rancangan-rancangan radio dan talivisyen, hendaklah mencerminkan penghidupan rakyat yang sebenarnya. Rancangan-rancangan yang boleh menunjukkan atau melahirkan kemesraan dan persefahaman rakyat berbilang kaum, dan penghidupan sehari-hari mereka, serta usaha, kegiatan dan rancangan pembangunan, yang bertujuan

mengeratkan perpaduan kaum, hendaklah diutamakan.

Demikianlah juga, dengan program-program hiburan,

lawak jenaka dan drama yang di siarkan, hendaklah

mengandung unsur, bahan dan tema, yang boleh

memupuk serta mengeratkan lagi, perpaduan dan

persefahaman rakyat.

Para hadirin dan penuntun sekalian.

5. Sebagai satu media komunikasi, untuk

menyampaikan maklumat dan pengetahuan, RTM

mestilah dapat memberi fahaman kepada rakyat,

kejadian-kejadian di sekeliling mereka, bukan sahaja

kejadian di dalam negeri, bahkan di peringkat antarabangsa.

Hanya dengan maklumat-maklumat yang tepat, maka  
dapat rakyat menilai sesuatu kejadian itu, dengan waras  
dan objektif. Dengan jalan ini, mereka tidaklah senang  
di pengaruhi, oleh pihak-pihak yang cuba mempengaruhi  
fikiran rakyat, kepada satu-satu anggapan yang tertentu.  
Di dalam sebuah negara, memang terdapat gulungan-  
gulungan yang cuba meracuni fikiran rakyat.  
Terdapat juga gulungan yang mendakwa serta  
melahirkan, bahawa rancangan-rancangan pembangunan  
Kerajaan, menguntungkan kaum tertentu sahaja.  
Anggapan seperti ini, hendaklah diperbetulkan.  
Adalah menjadi tanggung-jawab RTM, memberi  
kesedaran mengenai hakikat yang sebenarnya,

supaya gejala-gejala yang hendak memisahkan kaum,  
dapat di kikiskan, dan usaha-usaha di tumpukan  
 kepada kemajuan negara, dengan tekad yang berpadu.

*Kerajaan yang terpenting,*

6. Sebagai alat terpenting Kerajaan,  
 Radio dan Talivisyen mestilah menjalankan peranan  
 utama nya, supaya matalamat negara, bagi mewujudkan  
 sebuah masyarakat Malaysia yang adil dan kuat,  
 terlatih, berdisiplin dan bersatupadu, dapat di capai  
 dalam jangka masa yang lebih singkat.

7. Bagi mencapai matalamat ini, adalah  
 mustahak dan perlu, bagi setiap pegawai yang  
 mengendalikan dan menerbit rancangan dan progrem

Radio dan Talivisyen, mengetahui serta memahami dengan mendalam, semua dasar-dasar penting negara, aspirasi rakyat, kemajuan rancangan-rancangan pembangunan, serta juga perkara-perkara sensitif, dalam hubungan antara kaum di negara ini. Ia memerlukan juga, semangat dedikasi dan sikap positif, di kalangan pegawai yang berkenaan. Para anggota RTM perlu menyedia dan <sup>meng-usaha-kan</sup> mengusahakan penerbitan dan penyiaran, yang bukan sahaja baik dan bermutu tinggi, malahan yang penting sekali ialah, penerbitan-penerbitan itu, hendaklah mengelakkan dari menyentuh perkara-perkara sensitif, yang boleh menyinggong perasaan mana-mana kaum.

8. Dari kalangan rakyat pula, khusus nya pendengar-pendengar radio, dan penuntun-penuntun tv, perkara yang diperlukan ialah, fahaman yang saksama dan sikap toleransi, terhadap rancangan-rancangan yang di siarkan. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka bagi menegur secara membena, terhadap siaran-siaran itu, menerusi saluran-saluran tertentu, memanglah di galakkan. Penyertaan itu hendaklah berupa sumbangan, yang boleh memperteguhkan perpaduan dan keselamatan negara. Ia tidak harus berupa desakan semata-mata, untuk memenuhi selera perseorangan, atau kepentingan sesuatu golongan atau kaum.

Para hadirin dan penuntun sekalian.

9. Saya sungguh menghargai ikrar yang telah di lafazkan oleh Dato Mohamed Rahmat tadi, bagi menggembelinkan sumber-sumber di Kementerian Penerangan, agar RTM dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat. Saya sedar, bahawa banyak lagi yang diperlukan oleh Kementerian ~~nya~~, ~~beliau~~ bagi mencapai matalamat ini. Saya harap, semua pihak akan membantu dan bekerjasama dengan Kementerian ini, bagi mengatasi masaalah-masaalah yang wujud. Saya suka melihat, perkhidmatan radio dan talivisyen, dapat di terima dan di nikmati di seluruh pelusuk tanah air kita, dengan lebih mudah dan berkesan.

... 11/-

10. Selain daripada mengatasi masalah alat kelengkapan dan kemudahan penyiaran, iaitu satu proses yang tentu sekali memakan masa, pihak RTM perlu mencapai mutu professionalisma yang tinggi di kalangan para penerbit, teknik dan kejuruteraannya, serta menjalinkan kerjasama yang rapat, dengan para seniman dan pengusaha-pengusaha tempatan. Pegawai-pegawai RTM hendaklah sentiasa menjalankan tugas mereka dengan cekap, dan menggunakan iktisas, kepakaran serta pengalaman mereka dengan saksama, bagi mencapai kadar prestasi yang tinggi, dan mutu yang baik. Saya harap, dengan pelancaran TV warna ini, ...12/-

kerjasama yang lebih erat dapat di wujudkan, di kalangan semua pihak yang terlibat di dalam siaran-siaran rancangan, baik di kalangan pegawai-pegawai RTM sendiri, mahupun di antara mereka dengan artis-artis atau pengusaha-pengusaha tempatan.

11. Saya sedar, bahawa dengan kemajuan teknologi yang moden, kecenderungan orang ramai lebih tertumpu kepada siaran TV, daripada siaran radio. Tetapi kita mestilah ingat, bahawa masih ramai lagi rakyat jelata yang mengikuti siaran radio. Oleh itu, janganlah hendaknya dipermudah-mudah atau di abai-abaikan peranan radio, kerana media ini, adalah menjadi alat perhubungan yang amat berkesan, diantara Kerajaan dengan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah.

Disamping kita melangkah keambang siaran TV warna, kita tidak harus juga melupakan penuntun-penuntun TV hitam putih, atau pendengar-pendengar radio, yang tidak mempunyai peti TV. Dalam hal ini, penuntun TV warna, hendaklah bertimbang rasa kepada golongan yang kurang bernasib baik, kerana pihak RTM terpaksa menumpukan perhatian yang lebih, bagi mengatasi kekurangan dalam bidang siaran radio, ataupun mengisikan kekosongan yang masih wujud, di kawasan-kawasan terpencil, di mana penerimaan-penerimaan siaran-siaran radio dan TV biasa, belum lagi mencukupi.

Para hadirin dan penuntun sekalian.

12. Disamping membawa berita baik bagi penuntun-penuntun TV, khasnya pemilik-pemilik peti TV warna, dan mengambil sempena pelancaran TV warna ini, saya sukalah mengumumkan, bahawa mulai dari 1hb. Januari, 1979, radio-radio transistor yang mempunyai satu band gelombang, akan di kecualikan dari bayaran lesen tahunan \$12.00, seperti yang di kenakan sekarang. Pemilik-pemilik radio transistor seperti ini, akan hanya dikenakan bayaran satu kali sahaja sebanyak \$5.00. Mereka tidak perlu membayar lesen tahunan.

..15/-

13. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih, serta setinggi-setinggi penghargaan, kepada Kementerian Penerangan dan Jabatan Penyiaran, khususnya kepada Menteri Penerangan, ~~Yang Berhormat~~ Dato Mohamed Rahmat, di atas penghormatan yang diberikan kepada saya di upacara ini. Saya harap, dengan bermulanya siaran TV warna ini, bukan sahaja kita dapat menyaksikan pembaharuan di kaca TV dalam rumah, tetapi ia akan memberi lebih makna kepada penghidupan kita sehari-hari.

Para hadirin dan penuntun sekalian.

14. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya, merasmikan pelancaran SIARAN BERWARNA TV MALAYSIA.



~~364 - 132/79~~



|                     |       |
|---------------------|-------|
| No Siri .....       | 4123  |
| No Penerimaan ..... | 48/81 |